

# AMK kecewa tindakan Dr. Mahathir

**KANGAR 14 Feb.** - Tindakan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Tun Dr. Mahathir Mohamad menerima penyertaan bekas ahli Parlimen UMNO menyertai parti itu cukup mengecewakan.

Naib Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK) Cabang Kangar, Abdul Asymawi Syazwi Abdul Halim berkata, Perdana Menteri sepatutnya fokus menunaikan janji manifesto, bukannya menerima bekas pemimpin UMNO

semata-mata untuk memperkuat parti sendiri.

Katanya, Dr. Mahathir perlu melihat situasi semasa yang menyaksikan rakyat khususnya golongan muda, penoreh getah, nelayan dan ramai lagi telah menyatakan kekesalan akibat kegagalan kerajaan menunaikan janji.

“Saya melihat perkara itu (menunaikan janji) adalah lebih penting daripada menerima penyertaan bekas pemimpin UMNO. Selepas 10 bulan me-

merintah, sepatutnya fokus untuk menunaikan janji. Di media sosial khususnya, rakyat sudah mula mempertikai kredibiliti kerajaan Pakatan Harapan (PH) dan kita jangan ambil mudah perkara ini,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Baru-baru ini, enam bekas wakil rakyat UMNO menyertai Bersatu kerana yakin dengan perjuangan yang dibawa Dr. Mahathir.

Mereka adalah Ahli Parlimen Tasik Gelugor, Datuk Shabudin

Yahaya; Ahli Parlimen Mersing, Datuk Dr. Abdul Latiff Ahmad; Ahli Parlimen Hulu Terengganu, Datuk Rosol Wahid; Ahli Parlimen Larut, Datuk Seri Hamzah Zainudin; Ahli Parlimen Sabak Bernam, Datuk Mohamad Fasih Mohd. Fakeh dan Ahli Parlimen Tanah Merah, Datuk Seri Ikmal Hisham Abdul Aziz.

Keputusan menerima mereka bagaimanapun ditentang oleh ramai pemimpin PH terutama daripada PKR.

UM- 15/2/2019 m/s: 9